

# Strategi Belanjawan 2003 dibenteng September

# Swasta jana ekonomi

BH 31 MAY 2002

Oleh Kadir Dikoh

PUTRAJAYA, Khamis – Belanjawan negara bagi tahun depan yang akan dibentengkan September ini, mengubah strategi dengan penekanan semula kepada pembabitian sektor swasta untuk mengambil alih peranan sektor awam sebagai penggerak ekonomi berikutan kedudukan ekonomi negara semakin pulih.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, mereka tidak boleh lagi terlalu bergantung kepada ke-

sot dengan ketara sebanyak 39 peratus pada 2001 berbanding paras pelaburan pada 1997.

“Jika aliran ini berterusan, potensi pertumbuhan ekonomi dalam jangka sederhana dan panjang akan terjejas,” katanya pada pembukaan sesi pertama majlis dialog Belanjawan 2003 di sini hari ini.

Sesi itu dihadiri 50 wakil tujuh institusi pengajian tinggi awam (IPTA), 12 organisasi yang mewakili dewan perniagaan, persatuan bank dan badan penyelidikan serta pelbagai kementerian dan agensi kerajaan.

## Sesi khas dialog MB, KM dengan Perdana Menteri – Muka 2

rajaan untuk mencergaskan kegiatan ekonomi kerana tindakan itu yang terpaksa dilakukan sepanjang krisis kewangan lalu, menyebabkan kewangan Kerajaan Pusat mengalami defisit.

Sebaliknya kata beliau, sektor swasta perlu membina semula keupayaan dan keyakinan ke arah meningkatkan daya saing, kecekapan, kreativiti dan produktiviti selain berani mengambil risiko dalam merebut peluang perniagaan serta perdagangan yang luas dalam era globalisasi dan liberalisasi.

Katanya, peranan sektor swasta amat penting dalam usaha mencergaskan kegiatan ekonomi dan memantapkan lagi asas ekonomi supaya negara lebih berdaya saing.

“Sejak kebelakangan ini, sektor swasta tidak begitu dinamik. Paras pelaburan mereka mero-

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata, bagi tujuan itu, strategi Belanjawan 2003 akan memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan peranan sektor swasta selaras dengan tema dialog Belanjawan tahun ini iaitu ‘Memupuk sektor swasta yang dinamik dan berdaya tahan’.

Katanya, pencapaian ekonomi negara sejak krisis kewangan banyak didorong oleh sektor awam terutama melalui langkah rangsangan fiskal dan tindakan itu menyebabkan kewangan Kerajaan Pusat mengalami defisit.

Beliau berkata, meskipun defisit itu mampu dibiayai dan pengurusan fiskal masih berhemat, ia bukanlah menjadi hasrat kerajaan untuk terus mengamalkan dasar belanjawan mengembang.

## Pengusaha kecil, sederhana perlu cergas

DARI MUKA 1  
BH 31 MAY 2002

Untuk itu katanya, pengusaha tempatan terutama perusahaan kecil dan sederhana perlu bergiat dengan lebih cergas bersama-sama dengan syarikat multinasional untuk maju ke hadapan.

“Kerjasama ini bertujuan untuk meningkatkan pelaburan mereka supaya mereka boleh menjadi nadi

penggerak perindustrian negara dan akan menjadi sebuah syarikat multinasional bertaraf dunia,” katanya.

Dr Mahathir berkata, walaupun kedudukan ekonomi negara semakin menggalakkan, negara perlu bersedia menghadapi cabaran dan risiko ketidakpastian pemulihan ekonomi dunia yang masih belum meyakinkan.

Katanya, dalam perkembangan sedemikian serta teknologi yang sentiasa berubah dengan pantas, negara perlu meningkatkan lagi daya saing dan mengukuhkan ketahanan ekonomi.

“Kita perlu mempelbagaikan punca pertumbuhan ekonomi dan mengurangkan risiko pergantungan berlebihan kepada

beberapa barangan saja.

“Kita juga perlu mempergiatkan lagi usaha bagi memperluaskan asas perindustrian negara dan juga memberi tumpuan lebih kepada pembangunan sektor pertanian dan perkhidmatan, termasuk di bidang pelancongan, pendidikan, kesihatan, kewangan dan pengangkutan,” katanya.

LIHAT MUKA 2